



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil .67

2hb Februari 2023

No. 5

No. 325.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48(6)

**FATWA TAREKAT NAQSYABANDIAH AL ALIYYAH
SYEIKH NAZIM AL HAQQANI**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

1. Mana-mana tarekat yang berteraskan prinsip akidah dan syariah berdasarkan ijtihad para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran al Asyairah dan al Maturidiyah, yang diketuai oleh para syeikh tarekat muktabar, yang mempunyai ijazah rasmi dari salasilah sanad Syeikh Junaid al Baghdadi atau Imam al Ghazali yang kedua-dua sanadnya sampai kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, adalah boleh dipertimbangkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk diamalkan di Negeri Johor.
 - a. Dalam melaksanakan amalan bertarekat, pengamal hendaklah memastikan tidak berlaku amalan dan perbuatan yang tidak bersesuaian dengan pegangan umat Islam di Negeri Johor yang berasaskan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bersumberkan aliran al Asyairah dan al Maturidiyah, dari segi syariah mengikut

Mazhab Shafie atau dalam keadaan tertentu mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali atau melaui ijtihad hukum yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa atas syor Majlis Agama Islam Negeri Johor dan diperkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dari segi tasawwuf hendaklah berpegang dengan Manhaj Imam Junaid al Baghdadi dan Imam al Ghazali.

- b. Amalan bertarekat yang mengandungi elemen syirik dan kufur adalah diharamkan seperti:
 - i. Mempercayai tuhan selain Allah.
 - ii. Menyamakan tuhan dengan makhluk.
 - iii. Menghalalkan perkara yang disepakati oleh para ulama sebagai haram.
 - iv. Mengharamkan perkara yang disepakati oleh para ulama sebagai halal.
 - v. Menafikan kewajipan syarak yang disepakati hukumnya (ijmak) dalam kalangan para ulama.
 - vi. Melakukan takwilan berkaitan akidah dan hukum syarak tanpa mengikut disiplin ijtihad yang ditetapkan oleh para ulama muktabar.
 - vii. Menganggap kedudukan syeikh lebih tinggi berbanding nabi dan rasul.
2. Manakala berkaitan dengan isu tarekat Naqsyabandiyah al Aliyyah, maka hukumnya adalah harus diamalkan oleh pengikutnya selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip akidah dan syariah yang disepakati oleh para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran al Asyairah dan al Maturidiyah. Walaubagaimanapun, amalannya di Negeri Johor adalah tertakluk kepada kelulusan Majlis Agama Islam Negeri Johor.
3. Selain itu, perbahasan isu yang melibatkan amalan bertarekat yang bersifat khusus kepada para *Salik* sehingga ia boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat umum, adalah perbahasan yang dilarang daripada dibahaskan secara umum.

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

HAJI ZAINAL BIN ERAN
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor